

**Kelab Umno Pesara Kini Dikenali Sebagai Kupekmas
Bernama
12 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Kelab Umno Pesara (Kumpulan Pelaksana) Kerajaan Malaysia kini menukar namanya kepada Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (Kupekmas) dan terbuka kepada semua pesara perkhidmatan awam.

Setiausaha Agung kelab Datuk Abd Rahman Manan berkata keputusan itu dibuat pada mesyuarat agung khas kelab di sini hari ini, susulan maklum balas anggota serta bekas dan anggota perkhidmatan awam yang tidak mahu kelab dikaitkan dengan politik.

Ini adalah kerana Kupekmas berfungsi sebagai badan khusus untuk menjaga kebajikan pesara perkhidmatan awam, katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat itu serta Seminar Faedah Skim Pencen di sini.

Beliau berkata kelab itu yang ditubuhkan dua bulan lepas mensasarkan untuk mendaftar 50,000 anggota menjelang akhir tahun ini.

Walaupun nama persatuan itu telah ditukar, kelab akan terus menjalinkan kerjasama dengan Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam dalam memperjuangkan kepentingan dan kebajikan golongan pesara perkhidmatan awam, katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658652>